



MAJLIS MAKAN MALAM KPKR

OLEH:

DATO' RAMLI BIN MOHD KASSIM
TIMBALAN KETUA PENGARAH RISDA(PENGURUSAN)

TEMPAT: HOTEL STAR CITY,ALOR STAR
TARIKH: 5 FEBRUARI 2007,
MASA: 8.30 MALAM

- **Yang Berusaha Pengacara Majlis**
- **Y.B. Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Mohd.Hanifah
Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Lur Bandar
Mewakili YAB Menteri Besar Kedah Darul Aman,**
- **Yg.Dihormati En. Hairi bin Mat Lanan,
Mantan Yg. Dipertua Kesatuan Pegawai Kanan RISDA,**
- **Yg. Dihormati**
Yg. DiPertua KPKR yg baru bagi sesi 2007/2009
- **Yg. Dihormati En. Ku Azmi bin Ku Ibrahim
Presiden Kesatuan Kakitangan Universiti Utara Malaysia**
- **Yg. Dihormati Tn. Hj. Shamsudin bin Mohd. Nor
Yg. Dipertua Kesatuan Pekerja-pekerja RISDA (KPPR)**

- **Pengarah-Pengarah Bahagian**
- **Pengurus-Pengurus Besar Anak Syarikat**
- **Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.**

Assalamualaikum w.b.t,

1. **ALHAMDULILLAH, sekali lagi kita dapat berkumpul pada hari ini sempena Majlis Makan Malam Kesatuan Pegawai Kanan RISDA. Marilah kita memanjatkan kesyukuran**

kita ke hadrat Ilahi di atas limpah kurnia dan dengan izinNya jua dapat kita berada di sini bersama-sama berhimpun dalam keadaan selesa serta sejahtera. Malam ini begitu bermakna buat kita kerana bersama-sama kita adalah Yg. Berhormat Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Mohd. Hanifah, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Luar Bandar yang mewakili YAB Menteri Besar Negeri Kedah Darul Aman. Bagi Pihak Warga RISDA, saya mengalu-alukan kedatangan Yg. Berhormat Dato' Paduka kerana sudi hadir bersama kami. Saya juga mengambil peluang disini untuk merakamkan jutaan

terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri Kedah kerana telah sudi untuk membiayai Majlis Makan Malam ini.

- 2. Untuk makluman YB Dato' Paduka, seramai 350 orang Pegawai Kanan RISDA dari seluruh negara telah berkampung di Negeri Kedah sejak semalam untuk menghadiri Seminar Integriti Pegawai Kanan serta Mesyuarat Agung Kesatuan. Mereka telah pun mengambil peluang untuk menikmati keindahan serta tarikan-tarikan di sekitar Alor Star.**

3. Selamat Datang juga diucapkan kepada En Ku Azmi bin Ku Ibrahim, Presiden Kesatuan Kakitangan UUM Sintok yang sudi untuk turut serta pada malam ini. Semoga hubungan silatullahim antara kedua kesatuan akan terus berkekalan. Penghargaan juga kepada Tn. Hj. Shamsudin bin Md. Nor, Yg. DiPertua KPPR serta AJK yang ada bersama pada malam ini.

YB Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

- 4. Saya mengambil kesempatan disini untuk mengucapkan tahniah kepada yang telah dilantik sebagai Yang DiPertua KPKR bagi sesi 2007/2009. Semoga Tuan akan terus memimpin Kesatuan ini dengan cemerlang dan melaksanakan amanah dan kepercayaan yang telah diberikan oleh ahli-ahli Kesatuan kepada Tuan. Kepada En Hairi bin Mat Lanan, Mantan Yg. DiPertua KPKR, terima kasih atas segala jasa dan bakti yang telah dicurahkan kepada Kesatuan ini.**

- 5. Begitu juga kepada barisan AJK yang baru dilantik, tahniah dan laksanakanlah tanggungjawab tuan-tuan dan puan-puan dengan sebaik mungkin.**

- 6. Majlis kita pada hari ini adalah hasil kerjasama dan penggemblengan tenaga antara Pengarah RISDA Negeri Kedah serta pegawai2nya, Pengarah Bahagian Latihan serta pegawai2nya serta AJK Kesatuan Pegawai Kanan RISDA. Hasil usaha mereka, Majlis kita telah berjalan dengan sempurna dan sebaik mungkin. Terima kasih atas usaha gigih Tuan-tuan dan Puan-puan.**

7. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yg. Berhormat Dato' Paduka Ahmad Bashah kerana sudi hadir. Kepada semua yang telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung untuk menjayakan Majlis Makan Malam ini, terima kasih.

Dengan itu saya sudahi dengan ucapan **Wabillahi Taufik Walhidayah , Assalamualaikum w.b.t**

